

PONTACID CAPSULE/TABLET

Mefenamic Acid (250mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan PONTACID
2. Bagaimana PONTACID berfungsi
3. Sebelum menggunakan PONTACID
4. Cara menggunakan PONTACID
5. Semasa menggunakan PONTACID
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PONTACID
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan PONTACID

PONTACID digunakan untuk rawatan sakit haid dan pendarahan menstruasi berat.

Ia juga digunakan untuk melegakan kesakitan yang ringan sehingga sederhana seperti sakit gigi dan osteoarthritis (penyakit sendi degeneratif), artritis reumatoid (gangguan keradangan sistemik pada sendi)

Bagaimana PONTACID berfungsi

PONTACID mengandungi bahan aktif mefenamic acid.

PONTACID tergolong dalam kumpulan ubat yang dinamakan *Non-Steroidal Anti-Inflammatory Drugs* (atau NSAID) yang melegakan kesakitan, keradangan dan demam.

Sebelum menggunakan PONTACID

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap:

- mefenamic acid, bahan aktif
- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini.

Jangan mengambil PONTACID jika:

- anda pernah mendapat cirit-birit selepas mengambil ubat ini. Cirit-birit mungkin akan berulang jika anda mengambil PONTACID lagi.
- anda menghadapi atau pernah menghadapi ulser atau keradangan pada perut atau usus.
- anda mempunyai kegagalan fungsi ginjal
- anda pernah mengalami bronkospasma (penyempitan saluran udara), rinitis (keradangan membran mukus hidung), urtikaria (ruam gatal) dan masalah tersebut menjadi lebih teruk disebabkan oleh Aspirin atau NSAIDs.

Jangan beri PONTACID kepada kanak-kanak bawah umur 14 tahun. Keselamatan dan keberkesanan PONTACID di kalangan kanak-kanak belum dipastikan.

Jangan mengambil PONTACID selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan.

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum menggunakan PONTACID

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda pernah mengalami atau mempunyai masalah kesihatan seperti yang berikut:

- Masalah jantung atau strok
- Lebih cenderung berdarah atau masalah darah yang lain
- Mungkin menyebabkan alahan reaksi kulit yang serius seperti exfoliative dermatitis, toxic epidermal necrolysis, Steven-Johnson Syndrome. Simptom-simptom adalah kulit melepuh dan mengelupas.
- Jika anda fikir anda mengalami reaksi alahan ubat, sila jangan ambil ubat itu dan berjumpa dengan doktor segera.
- Bengkak pada kulit, gatal-gatal, bintik merah-merah atau sebarang ruam kulit yang lain
- Penyakit buah pinggang
- Penyakit hati
- Tekanan darah tinggi
- Ulser, pendarahan dan tebuk perut dan usus
- Menghidapi dispepsia (rasa tidak selesa di kawasan epigastric kerana masalah pencernaan).

Beritahu doktor anda jika anda hamil, bercadang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi. Doktor anda akan berbincang dengan anda tentang risiko dan manfaat ubat ini.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil PONTACID.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan PONTACID boleh bertindak balas antara satu sama lain. Ini termasuklah warfarin, sejenis ubat yang digunakan untuk menghentikan pembekuan darah. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat yang perlu diberi perhatian semasa mengambil PONTACID atau yang perlu dielakkan.

Cara menggunakan PONTACID

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa banyak harus digunakan*

Dos PONTACID bergantung kepada keadaan yang dirawat.

Ambil PONTACID seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Dos permulaan biasanya adalah 500mg, diikuti dengan 250mg setiap 6 jam jika perlu.

Dewasa : Ambil 500 mg pada mulanya, diikuti dengan 250 mg 6 setiap jam seperti yang diperlukan

Dysmenorrhoea : 500 mg tiga kali sehari dengan makanan dari bermulanya sakit dan berterusan untuk tempoh yang biasa kesakitan.

Menorrhagia : 500 mg tiga kali sehari dengan makanan dari bermulanya haid dan terus mengikut arahan doktor. Terapi tidak perlu diteruskan untuk lebih dari 7 hari, kecuali atas nasihat doktor.

Jangan mengambil ubat ini lebih daripada yang disyorkan oleh doktor anda.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti dos yang betul untuk anda. Mereka akan memberitahu anda kuantiti yang perlu diambil.

- *Bila perlu digunakan*

Ambil ubat ini bersama makanan dengan segelas air.

Ini boleh mengurangkan peluang sakit perut.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Jangan mengambil PONTACID lebih lama daripada yang diarahkan oleh doktor anda.

Bergantung kepada keadaan anda, anda mungkin perlu mengambil PONTACID untuk beberapa hari, beberapa minggu atau untuk masa yang lebih panjang.

Untuk senggugut, PONTACID biasanya diambil setiap kali datang haid, iaitu apabila kekejangan berlaku dan terus mengambil ubat ini untuk beberapa hari sehingga kesakitan hilang.

Untuk pendarahan menstruasi, PONTACID mestilah diambil pada hari pertama haid dan terus mengambil ubat ini seperti yang dinasihatkan oleh doktor. Anda tidak boleh mengambil PONTACID lebih daripada 7 hari kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jika anda tidak pasti berapa lama perlu mengambil ubat ini, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingat masa pengambilan ubat, tanya ahli farmasi anda untuk dapatkan petua.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil PONTACID,

hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakelesaian atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Mengambil terlalu banyak PONTACID boleh menyebabkan ketidakelesaian pada perut dan usus dan ia boleh menyebabkan cirit-birit, otot bergerak-gerak, sawan dan koma.

Semasa menggunakan PONTACID

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor anda dengan segera, jika anda hamil ketika mengambil PONTACID.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor atau ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil PONTACID.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil PONTACID.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan mengambil ubat anda untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana PONTACID mempengaruhi anda.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan kluatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Kerengsaan mata, sakit telinga, peluh, keracunan hepatic ringan dan keperluan insulin yang meningkat dalam pesakit kencing manis telah dilaporkan. Terdapat juga laporan mengenai debaran jantung, sesak nafas dan kehilangan penglihatan warna yang jenis berbalik.

Gastrosus (gangguan perut): Lazim, saluran gastrosus; cirit-birit, loya dengan atau tanpa muntah, gejala gastrosus yang lain, dan sakit perut. Cirit-birit yang teruk cukup untuk menghentikan ubat ini. Kejadian cirit-birit biasanya berkaitan dengan dos, biasanya reda dengan pengurangan dos dan cepat hilang apabila tamat terapi. Kurang kerap - tiada selera makan, *pyrosis* (pedih hulu hati), kembung perut dan sembelit. Ulser gastrosus dengan atau tanpa *haemorrhage* (pendarahan)

Haematopoietic (penyakit darah): anemia hemolitik auto-imun (penyakit yang menyebabkan sistem imun menyerang sel darah merah) yang dikaitkan dengan pengambilan berterusan *mefenamic acid* selama 12 bulan atau lebih. Proses ini boleh kembali pulih selepas penamatan pengambilan *mefenamic acid*. Pengurangan dalam hematokrit (bilangan sel darah merah) terutamanya dalam orang-orang yang telah menerima terapi yang berpanjangan. Pengurangan bilangan sel darah putih, pengurangan bilangan platelet (yang menyebabkan pendarahan), ketidaknormalan tulang sumsum juga telah dilaporkan.

Sistem saraf: Rasa mengantuk, pening, gementar, sakit kepala, penglihatan kabur, dan insomnia telah berlaku.

Integumen: Urtikaria (penyakit alahan kulit), ruam, dan bengkak muka telah dilaporkan.

Buah pinggang: Seperti NSAID yang lain, kegagalan buah pinggang termasuk nekrosis papillary telah dilaporkan. Dalam pesakit tua kegagalan buah pinggang berlaku selepas mengambil asid mefenamic untuk 2 hingga 6 minggu. Kerosakan buah pinggang tidak boleh kembali pulih dengan sepenuhnya. Hematuria (darah dalam kencing) dan dysuria (kesakitan semasa kencing) juga telah dilaporkan dengan asid mefenamic.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan PONTACID

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam pekny. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat suhu bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan PONTACID atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki. Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil PONTACID atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

PONTACID CAPSULE
250MG

- Setiap kapsul mengandungi 250mg mefenamic acid

PONTACID TABLET
250MG

- Setiap tablet mengandungi 250mg mefenamic acid

Bahan tidak aktif:

PONTACID CAPSULE
250MG

- Croscarmellose Sodium
- Sodium Lauryl Sulphate
- Lactose monohydrate
- Colloidal Silicone Dioxide (Aerosil 200)
- Povidone (Kollidon 30)

PONTACID TABLET
250MG

- Aerosil
- Cornstarch
- Magnesium stearate
- PVP
- Talcum
- Promigel
- Brilliant blue FCF
- Laktosa

- Nombor MAL

PONTACID CAPSULE
250MG
MAL19880308AZ

PONTACID TABLET
250MG
MAL19890081AZ

Pengilang

DUOPHARMA (M) SDN.
BHD. (42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

DUOPHARMA (M) SDN.
BHD. (42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

16/06/2016

Nombor Siri

BPFK(R4/1)160616/00131